



LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR

DPB50163 – BUSINESS PROJECT

SESI 1 2021/2022

DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN – JABATAN PERDAGANGAN

TAJUK: YEOP MOBILE CARWASH

PENSYARAH KURSUS: DR. ROHANI BINTI M.M. YUSOFF

PENYELIA: PN. NORLIA BINTI ABDUL RASHID

NAME	MATRIC NUMBER
ANIS LIYANA BINTI RAZALI	10DPM19F2068
IFFAH NAJWA BINTI AMIR RASHID	10DPM19F2070
NAAVINKUMAR A/L NAGALINGAM	10DPM19F2062
MUGILAN A/L SIVAKUMAR	10DPM19F2046

**PENGESAHAN LAPORAN PROJEK**

Disemak oleh :

Nama Penyelia 1 : Dr.Rohani Binti M.M. Yusoff

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Disahkan Oleh :

Nama Penyelia 2 : PUAN NORLIA BINTI ABDUL RASHID

Tarikh :

## **PERAKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK**

### **KAJIAN INOVASI REKA BENTUK APLIKASI DI PERNIAGAAN YEOP**

#### **CARWASH**

1. Kami seperti nama di bawah,

ANIS LIYANA BINTI RAZALI (IC: 011017-07-0202)

IFFAH NAJWA BINTI AMIR RASHID (IC: 010617-08-0602)

NAAVINKUMAR A/L NAGALINGAM (IC: 010316-08-0529)

MUGILAN A/L SIVAKUMAR (IC: 010308-07-0523)

adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, Politeknik Seberang Perai yang beralamat di Jalan Permatang Pauh 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

2. Kami mengakui bahawa Aplikasi Yeop Mobile Carwash dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil reka cipta saya tanpa mengambil atau meniru mana mana harta intelek daripada pihak lain.
3. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harga intelek Aplikasi Yeop Mobile Carwash bagi memenuhi keperluan untuk penanugerahan Diploma Pergajian Perniagaan kepada saya.

PROJEK PELAJAR (DIPLOMA POLITEKNIK)

Diperbuat dan dengan sebenr-sebenarnya diakui oleh yang tersebut,

ANIS LIYANA BINTI RAZALI : *Anis*  
(IC: 011017-07-0202) : \_\_\_\_\_  
: ANIS LIYANA BINTI RAZALI

IFFAH NAJWA BINTI AMIR RASHID : *Iffahnajwaa*  
(IC: 010617-08-0602) : \_\_\_\_\_  
: IFFAH NAJWA BINTI AMIR RASHID

NAAVINKUMAR A/L NAGALINGAM : *naavin*  
(IC: 010316-08-0529) : \_\_\_\_\_  
: NAAVINKUMAR A/L NAGALINGAM

MUGILAN A/L SIVAKUMAR : *mugilan*  
(IC:) : \_\_\_\_\_  
: MUGILAN A/L SIVAKUMAR

Di hadapan kami,

PUAN NORLIA BINTI ABDUL RASHID : \_\_\_\_\_  
Sebagai Penyelia Projek.

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurnia-Nya diberikan peluang untuk kami membangunkan laman web Yeop Carwash bagi memenuhi keperluan kursus DPB50163 Business Project. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kursus Business Project iaitu

Dr Rohani Binti M.M Yusoff kerana beliau telah banyak membantu dan juga banyak memberi tunjuk ajar kepada kami untuk menyiapkan projek ini. Di samping itu, kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada penyelia iaitu Puan Norlia Binti Abdul Rashid kerana beliau juga telah banyak membantu kami dari segi aspek idea-idea yang bernas, dan tenaga beliau untuk memastikan kami menyiapkan projek ini.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengurus Yeop Carwash kerana memberi keizinan kepada kami untuk melaksanakan projek ini. Terima kasih juga kepada semua ahli kumpulan yang telah banyak memberikan kerjasama, menyumbang tenaga dan memberi idea dalam melaksanakan projek ini. Akhir sekali, kami mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan projek ini samada secara langsung atau tidak langsung. Sekian terima kasih.

## **ABSTRAK**

Berdasarkan kajian yang diberi, penyelidik perlu mencari sebuah organisasi. Penyelidik haruslah menganalisis masalah yang dihadapi oleh organisasi yang dipilih. Setelah penyelidik mengadakan satu sesi temu ramah dengan pegawai organisasi Yeop Carwash yang terletak di Teluk Intan Perak, penyelidik mendapati bahawa organisasi ini tidak menggunakan Revolusi Industri 4.0. Penyelidik berjaya menghasilkan satu cara untuk memudahkan dan memuaskan pelanggan yang datang ke Yeop Carwash. Satu aplikasi akan dibina untuk memudahkan pelanggan.

Selain itu, perkara ini akan memuaskan pelanggan kerana masalah yang selalu dihadapi oleh pelanggan adalah apabila kereta untuk mencuci banyak, pelanggan terpaksa menunggu giliran yang mungkin mengambil masa yang agak lama. Hal ini demikian, Revolusi Industri 4.0 dapat mengatasi masalah ini. Bagi penerangan yang lebih terperinci, aplikasi penyelidik dapat memuaskan hati pelanggan kerana pelanggan tidak perlu menunggu berjam-jam untuk giliran, manakala mereka hanya perlu tempah perkhidmatan mencuci kereta melalui aplikasi dan pekerja-pekerja akan terus ke rumah untuk mencuci kereta.

## SENARAI KANDUNGAN

BUTIRAN	MUKA SURAT
Pengesahan Laporan Projek Akhir	2
Perakuan Keaslian dan Hak Milik	3-4
Penghargaan	5
Abstrak	6
1. PENGENALAN	
1. Pendahuluan	9
2. Latar Belakang Kajian	9
3. Penyataan Masalah	10
4. Objektif Projek	10-11
5. Persoalan Projek	12
6. Skop Projek	13
7. Kepentingan Projek	13
8. Takrifan Projek	13
9. Rumusan	14
2. KAJIAN LAPANGAN	
1. Pendahuluan	15
2. Kajian Terdahulu/Ulasan/Siasatan	15
3. Proses Pembangunan Produk	15
4. Pembaharuan dan Keunikan Produk	15
5. Kaedah Kajian	16
6. Kesimpulan	17
3. ANALISIS PROJEK PERNIAGAAN DAN DAPATAN	
1. Pengenalan	18
2. Analisis Situasi	18
3. Analisis Kewangan	19
4. Kos Penghasilan Projek	20-22

# **BAB 1 : PENGENALAN**

## **1.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan mengenai masalah yang dihadapi, objektif projek, persoalan projek, skop projek dan kepentingan projek. Dalam konteks era pascamoden dunia dicanangkan oleh teknologi maklumat dan komunikasi. Ini merupakan istilah umum untuk pelbagai set teknologi yang membolehkan pengguna untuk membuat, mengakses, menyebarkan, menyimpan, mengurus dan menyampaikan maklumat dalam format digital. Menurut Normazaini Saleh (2017), ICT juga termasuk perkakasan komputer dan aplikasi perisian, merangkumi telefon bimbit, komputer, perkakasan rangkaian, internet, sistem telekomunikasi dan sebagainya serta pelbagai perkhidmatan yang berkaitan dan aplikasi.

Penyelidik menjalankan kajian di Yeop Car Wash iaitu sebuah perniagaan kedai mencuci kereta. Kajian ini bertujuan untuk membincang dan mengenal pasti masalah yang dihadapi serta mencari jalan penyelesaian untuk perniagaan Yeop Car Wash ini. Bukan itu sahaja, penyelidik juga menambah satu lagi kelebihan dalam aplikasi ini iaitu pengguna boleh memilih perkhidmatan apa yang mereka mahukan seperti mencuci luar dan dalam kenderaan, mengilap tayar menyedut habuk dan sebagainya. Kepentingan aplikasi ini boleh membuatkan pelanggan berasa puas hati apabila menggunakan perkhidmatan mencuci kenderaan di Yeop Car Wash ini. Oleh itu, untuk menjaga hubungan baik kedai dengan pelanggan serta mahu menjaga reputasi servis di kedai ini penyelidik telah sebulat suara dan bersetuju untuk membangunkan aplikasi ini untuk menyelesaikan masalah ini.





## **1.2 LATAR BELAKANG PROJEK**

Melalui kajian yang telah dilakukan, perniagaan yang dipilih oleh kumpulan kami adalah perniagaan Kedai Mencuci Kereta, Yeop Car Wash . Perkhidmatan utama ialah menyediakan perkhidmatan mencuci kereta . Perniagaan ini sudah beroperasi selama 10 tahun di Teluk Intan . Bermula dengan hanya dua orang pelanggan kini hampir empat puluh kenderaan sehari . Tambahan pula, pada musim pandemik ini, pelanggan mula berkurang kerana harus mengikuti sop iaitu penjarakan sosial . Walaubagaimana pun, perniagaan ini masih dalam proses berkembang maju. Ini menyebabkan kami memilih untuk membantu perniagaan carwash ini agar menjadi satu tarikan yang dapat menarik pelanggan berkunjung dengan membangunkan satu aplikasi untuk memudahkan pelanggan berurusan.

Hal ini kerana Yeop Car Wash ini menggunakan sistem yang sedia ada iaitu pelanggan perlu membuat pesanan apabila sampai ke kedai dan ia mengambil masa kerana ada sesetengah pekerja yang sedang mencuci kereta dan perlu menunggu untuk memberitahu perkhidmatan yang pelanggan mahukan. Jadi dengan adanya aplikasi ini pelanggan boleh membuat pesanan di atas talian terlebih dahulu sebelum datang ke premis perniagaan Yeop Car Wash. Watijahnya, aplikasi ini akan di kemas kini kelebihannya dari semasa ke semasa.

### **1.3 PENYATAAN MASALAH**

Perkhidmatan 'carwash' menjadi pilihan sesetengah pengguna untuk mencuci kenderaan sekiranya tiada kemudahan di rumah atau hal-hal lain seperti ketiadaan elektrik atau tiada bekalan air. Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh perniagaan ialah mencuci badan kenderaan, membasuh bahagian dalam kenderaan, mencuci cermin kenderaan, membasuh bahagian bawah kenderaan, menggilap badan kenderaan dan mengilatkan tayar kenderaan.

Hasil daripada pemerhatian dan temu bual dengan pemilik Yeop Car Wash ini, didapati terdapat masalah pengguna yang tiada masa lapang untuk menghantar kereta mereka ke Yeop Car Wash kerana kesibukkan sepanjang hari. Selain itu, pelanggan perlu membuat pesanan apabila sampai ke kedai dan ia mengambil masa kerana ada sesetengah pekerja yang sedang mencuci kereta dan perlu menunggu untuk memberitahu perkhidmatan yang pelanggan mahukan.

Oleh kerana itu, kami bersepakat untuk membantu Yeop Car Wash menyelesaikan masalah ini dengan membangunkan satu aplikasi yang membolehkan pelanggan membuat tempahan perkhidmatan secara atas talian. Aplikasi ini dinamakan Yeop Mobile Carwash. Dengan wujudnya aplikasi ini, perkhidmatan Yeop Car Wash ini akan menjadi lebih efisien dan lebih moden serta seterusnya dapat bersaing dengan perniagaan 'carwash' yang lain.

### **1.4 OBJEKTIF PROJEK**

Projek ini dijalankan untuk:

- (i) Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh Perniagaan Yeop Carwash.
- (ii) Mencadangkan aplikasi 'Yeop Mobile Carwash' bagi mengatasi isu dalam pernyataan masalah.
- (iii) Memudahkan pelanggan dengan hanya menempah perkhidmatan mencuci kereta dari rumah sendiri.

## **1.5. PERSOALAN PROJEK**

Terdapat beberapa persoalan yang dapat dikaitkan dengan projek ini. Antara persoalannya ialah:

- (i) Apakah masalah yang dihadapi oleh perniagaan Yeop Car Wash ini?
- (ii) Apakah alternatif yang boleh diguna pakai untuk menangani masalah tersebut?
- (iii) Adakah aplikasi yang dibangunkan dapat membantu perniagaan?

## **1.6. SKOP PROJEK**

Skop kajian ini memfokuskan kepada perniagaan yeop carwash yang beroperasi di teluk intan,perak. Melalui kajian ini kami mendapati bahawa perniagaan yeop carwash ini pelanggan mengalami pembaziran masa yang lama untuk memesan perkhidmatan mencuci kenderaan mereka . Aplikasi yeop mobile carwash diwujudkan untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh perniagaan yeop car wash. Dengan wujudnya aplikasi ini diharapkan dapat memudahkan perniagaan untuk menarik lebih ramai pelanggan menggunakan perkhidmatan yang disediakan dan pelanggan juga boleh menjimatkan masa dengan hanya memesan pada perkhidmatan yang diinginkan diatas talian sahaja.

## **1.7. KEPENTINGAN PROJEK**

### **(i) MEMUDAHKAN PELANGGAN MEMBUAT PEMILIHAN**

Pelanggan hanya perlu memilih perkhidmatan melalui aplikasi yang disediakan tanpa perlu pergi ke premis perniagaan Yeop Carwash. Dengan adanya aplikasi Yeop Mobile Carwash ini dapat memudahkan pelanggan untuk membuat pilihan dengan cepat.

### **(ii) MENJIMATKAN MASA**

Pelanggan Yeop Carwash ini bukan sahaja dari Teluk Intan tetapi terdapat juga pelanggan Yeop Carwash ini dari negeri yang berlainan. Justeru itu dengan adanya aplikasi Yeop Mobile Carwash ini pelanggan tidak perlu berkunjung ke premis perniagaan untuk memesan perkhidmatan yang mereka mahukan atau servis yang lain kerana pelanggan boleh menggunakan aplikasi Yeop Mobile Carwash ini untuk berurusan dengan mudah.

### **(iii) MENAMBAH NILAI SYARIKAT UNTUK BERSAING DENGAN PERNIAGAAN LAIN MENGUNAKAN TEKNOLOGI YANG TERKINI**

Dengan adanya aplikasi Yeop Mobile Carwash, dapat menambah nilai syarikat untuk bersaing dengan pasaran yang lebih mencabar. Hal ini kerana penggunaan teknologi pada zaman kini semakin canggih. Jadi dengan adanya daya saing di antara dengan pasaran yang lain dapat menambahkan kemajuan dan boleh menambah keuntungan syarikat dengan lebih baik.

### **(iv) DAPAT MEMBERIKAN PELUANG KEPADA PENYELIDIK**

Projek ini dapat memberikan peluang kepada penyelidik untuk membina satu program bagi membantu syarikat ini. Berdasarkan permasalahan yang berlaku, penyelidik dapat berfikir secara strategik dalam membantu menambahbaik syarikat agar mendapat keuntungan dan dapat memajukan syarikat tersebut.

## **1.8. TAKRIFAN ISTILAH**

### **(i) Yeop Car Wash**

Perniagaan yang menyediakan perkhidmatan mencuci pelbagai kenderaan luar dan dalam serta boleh memberikan perkhidmatan dari rumah ke rumah.

### **(ii) Yeop Mobile Carwash**

Aplikasi yang dicipta khas untuk membantu Perniagaan Yeop Carwash dalam melaksanakan tugas dan pekerjaan harian mereka dengan lebih mudah.

(iii) Pembayaran atas talian

Pembayaran atas talian merupakan satu pendekatan pembayaran elektronik yang lebih mudah dan pantas juga dikenali sebagai e-payment. Ini merupakan pemindahan wang yang mudah dalam melaksanakan proses pembayaran atas talian

## **1.9 Rumusan**

Aplikasi di dalam telefon pintar ini adalah teknologi baru yang dapat membantu pengguna untuk mendapatkan maklumat dan menggunakan maklumat tersebut untuk memperbaiki pengurusan yang sedia ada pada masa kini dan hadapan dengan lebih baik dan efektif. Pada masa kini, hampir kesemua pengguna memiliki telefon pintar dan ia digunakan untuk pelbagai tujuan seperti untuk berkomunikasi, hiburan dan mencari maklumat. Teknologi aplikasi telefon pintar dapat membantu peniaga-peniaga yang baru memulakan perniagaan terutama dalam bidang perkhidmatan. Oleh itu, kami memilih perniagaan kedai mencuci kereta, Yeop Car Wash yang beroperasi di Pusat Komersial Teluk Intan 36000, Perak. Secara keseluruhan dalam bab ini seperti latar belakang projek, penyataan masalah, objektif projek, dan persoalan projek telah membincangkan tentang masalah yang wujud dan mengemukakan cadangan untuk menyelesaikan masalah tersebut dan apabila kami berbincang dengan pensyarah bersama iaitu kami akan membangunkan satu aplikasi yang boleh diguna pakai oleh perniagaan Yeop Car Wash ini dan juga kedai Car Wash lain yang mempunyai masalah yang sama dengan perniagaan kedai Car Wash ini.

## **BAB 2: KAJIAN LAPANGAN**

### **2.1 PENDAHULUAN**

Bab ini meninjau keperluan pembangunan aplikasi kepada peniagaan yang telah lama menapak di kawasan Teluk Intan, Perak. Penciptaan aplikasi ini adalah berdasarkan kepada keperluan peniagaan yang dikaji serta keperluan pengguna terhadap perniagaan tersebut. Keberkesanan aplikasi juga akan dikaji berdasarkan kajian literatur dan inovasi-inovasi terdahulu

### **2.2 KAJIAN TERDAHULU / ULASAN/ SIASATAN**

#### **2.2.1 Keperluan aplikasi**

Menurut kajian Siti Awadah (2017 – 2021), di masa ini ada 2.6 billion orang kini mempunyai peranti mudah alih berkuasa tinggi dalam jangkauan setiap saat. Aplikasi mudah alih menjadi pengubah permainan sebenar dalam perkhidmatan pelanggan. Hal ini kerana pelanggan tidak perlu menunggu waktu perniagaan biasa. Pelanggan boleh membuat tempahan dan belian pada bila-bila masa. Selain itu menurut article di dalam laman web GEMPAK yang dikaji oleh Rozaimi Zubaidi, teknologi seperti aplikasi pada masa kini memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia bukan sahaja untuk mencari maklumat namun ia digunakan dalam proses komunikasi dan proses penyelesaian masalah dalam perniagaan.

Tambahan pula, internet merupakan satu medium komunikasi yang diguna oleh pelbagai pihak terutamanya dalam bidang ekonomi. Di Malaysia, pelbagai aplikasi perniagaan diperkenalkan sebagai alternatif kepada transformasi di dalam sistem perniagaan, contohnya aplikasi GRAB dan FOODPANDA yang sangat popular. Menurut Izatul (2019) industri Revolusi 4.0 menjadikan perkembangan teknologi bertambah canggih dan pesat. Aplikasi ditubuhkan bertujuan untuk membantu perniagaan lebih berkembang mengikut perkembangan teknologi semasa, aplikasi juga dapat memudahkan pelanggan untuk membuat tempahan atau membeli sesuatu barang dengan menggunakan hujung jari sahaja.

Teknologi kini berkembang pesat menjadikan kehidupan manusia bertambah pantas dan cekap. Ini menyebabkan sektor perniagaan perlu bersaing sesama sendiri untuk menarik pelanggan (Abu Bakar, 2019). Contohnya, perkhidmatan yang disediakan oleh FOODPANDA bertujuan untuk memenuhi kehendak pelanggan seperti menghantar makanan sehingga ke pintu rumah (Abu Bakar, 2019). Teknologi internet diguna pakai didalam operasi perniagaan pada masa kini bertujuan untuk membantu perniagaan agar mudah dicapai oleh pelanggan. Berikutan dengan perkembangan kini pengkaji telah menjalankan satu kajian keperluan untuk mendapatkan maklumat mengenai penubuhan aplikasi. Kajian telah dijalankan terhadap 20 orang pelanggan disebuah syarikat hiasan dalaman di Sungai Petani, Kedah. Hasil kajian ini, mendapati bahawa kebanyakan pelanggan bersetuju bahawa

aplikasi dapat menarik minat mereka untuk membeli barangan dengan lebih mudah dan menjimatkan masa mereka. Aplikasi pengkomputeran kini menjadi medium kemudahan urusan seharian (Muhammad Nasri,2019)

### **2.2.2 Keberkesanan Aplikasi**

Pada zaman sekarang media sosial ada tempat dimana yang membolehkan ramai orang mencuba benda baru melalui media sosial. Adanya media sosial ini memudahkan ramai orang untuk mengenali satu perkara yang baru. Menurut Chung (2010) media sosial juga dapat membuatkan orang ramai mengetahui sesuatu aplikasi yang berkaitan dengan harian mereka. Media sosial juga mempunyai peranan yang sangat penting terhadap organisasi, individu dan sebagainya. Dengan adanya media sosial ini dapat mengenalkan lagi aplikasi ini kepada ramai orang.

Oleh itu, aplikasi Yeop Carwash ini perlulah mempunyai reka bentuk yang cantik di dalam aplikasi apabila pelanggan menggunakannya. Ini membolehkan menarik perhatian pelanggan untuk menggunakan aplikasi ni. Disebabkan itu aplikasi ni haruslah sentiasa kemas, mudah untuk melihat, mudah untuk memilih kategori untuk pelanggan membuat pilihan. Selain itu aplikasi Yeop Carwash haruslah teliti dalam membuat aplikasi yang tidak mengambil masa yang lama untuk dimuat turun dan beroperasi ketika digunakan

Contohnya dalam 3-5 saat sahaja untuk bertukar ke setiap pilihan kategori yang pelanggan tekan di dalam aplikasi tersebut kerana kebanyakan pelanggan tidak suka untuk menunggu lama untuk sesuatu aplikasi proses dalam masa yang lama.

Selain itu, orang ramai lebih berminat dengan setiap aplikasi yang tidak perlu dibayar ketika memuat turun satu aplikasi tersebut. Oleh Yeop Carwash juga membuat aplikasi ini sebagai satu aplikasi yang percuma untuk dimuat turun tanpa dikenakan bayaran. Ini juga boleh menarik minat orang ramai untuk memuat turun aplikasi ini. Ini juga menjadi salah satu strategi Yeop Carwash untuk memperkenalkan Yeop Carwash ini kepada ramai orang.

### **2.2.3 Perniagaan atas Talian**

Munurut Nurulhayah Muhamad, Wan Nur Saleha Wan Mohd Fauzan dan Rohailin Zainon perniagaan atas talian merupakan perniagaan yang sangat popular dan menjadi pilihan masyarakat pada hari ini. Kini, urusan harian perniagaan atas talian dapat dipermudahkan dengan adanya kemudahan internet. Oleh itu, dengan kemudahan atas talian yang terdapat pada masa kini ia boleh dijadikan sebagai satu peluang kepada golongan belia untuk menambahkan pendapatan. Begitu juga dengan kajian kami di Yeop Carwash. Kami membantu perniagaan tersebut dengan pengurusan berniaga secara atas talian iaitu melalui satu aplikasi yang kami bangukan bagi memudahkan kedua dua belah pihak. Dengan ini, kami dapat memuaskan hati para pelanggan dan juga memberikan keuntungan kepada pemilik perniagaan.

### **2.3 Rumusan**

Secara keseluruhan bab dua telah mengulas keperluan penggunaan pembangunan aplikasi kepada peniaga atas talian untuk melihat keberkesanan aplikasi tersebut. Ini membawa kepada penentuan untuk menguji keberkesanan dan pembentukan aplikasi Yeop Mobile Carwash ini kepada perniagaan Yeop Carwash . Bab ini juga menyentuh tentang pembentukan hipotesis yang akan diuji ke atas aplikasi ini sama ada ia akan meningkatkan lagi tahap keberkesanan terhadap peniaga dalam menguruskan perniagaan dengan lebih baik dan juga membantu pelanggan dalam memilih corak hiasan dalaman rumah dengan lebih mudah.



## BAB 3 : METADOLOGI/REKA BENTUK

### 3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, kajian ini akan menerangkan tentang prosedur untuk membangunkan aplikasi di Yeop Mobile Carwash. Kemudian penjelasan mengenai penyelidikan merangkumi persampelan dan perkembangan instrument yang digunakan dalam kajian ini.

### 3.2 REKA BENTUK PROJEK

#### 3.2.1 Kaedah/Prosedur/Teknik Penghasilan Projek


Dalam proses membangunkan aplikasi, terdapat beberapa langkah perlu dijalankan seperti berikut :-

- LANGKAH 1

Mengumpul semua maklumat daripada Yeop Carwash untuk mengetahui masalah yang dihadapinya. Masalah tersebut dicatat dan kami akan menyelesaikan masalah tersebut dengan membangunkan satu aplikasi.

- LANGKAH 2


Melayari laman web mengenai perkembangan aplikasi. Ini kerana laman web memerlukan akaun yang aktif untuk membuat pengembangan aplikasi di laman web tersebut serta boleh terus memilih untuk mencipta aplikasi yang diinginkan.






- LANGKAH 3

Mulakan dengan merancang latar belakang aplikasi dan buat butang fungsi aplikasi untuk digunakan oleh pelanggan. Butang ini akan mengalihkan pelanggan ke skrin lain yang berfungsi untuk mengetahui tujuan fungsi butang.




- LANGKAH 4

Sebaik sahaja pembangunan aplikasi selesai. Bermulalah dengan menerbitkan aplikasi untuk menguji sama ada aplikasi berjalan dengan betul dan selancarnya sebagaimana sepatutnya. Pautan untuk memuat turun aplikasi akan diberikan melalui pautan atau imbas QR Code untuk muat turun aplikasi.



### 3.2.2 Bahan dan Peralatan

Kami mengguna laman sesawang Mobincube untuk membangunkan aplikasi Yeop Mobile Crwash ini. Laman sesawang Mobincube ini tidak memerlukan kos untuk membangunkan aplikasi. Mobincube ini memudahkan kita untuk membangunkan sesuatu aplikasi berdasarkan kreativiti dan kepuasan kita sendiri.




- I. Komputer riba – Diperlukan untuk menghias dan merancang aplikasi ini semasa proses pembangunan aplikasi.
- II. Telefon Pintar – Diperlukan untuk menguji inovasi aplikasi ini sama ada ia akan dapat berfungsi dengan baik atau tidak.
- III. Sambungan internet – Diperlukan untuk melayari laman web dan membangunkan aplikasi

## Cara untuk mengendalikan aplikasi Yeop Mobile Carwash


- LANGKAH 1

Halaman utama setelah muat turun aplikasi Yeop Mobile Carwash.




- LANGKAH 2

Kemudian, pengguna perlu mengisi nama dan nombor telefon di ruangan yang telah disediakan bertujuan untuk simpanan rekod.



## YEOP CAR WASH

naavinkumar01@gmail.com [Switch account](#)

 Draft restored

The name and photo associated with your Google account will be recorded when you upload files and submit this form. Your email is not part of your response.

**\* Required**

**NAME \***

Your answer

**CONTACT NUMBER \***

Your answer

- **LANGKAH 3**

Seterusnya adalah untuk menempah tarikh dan masa untuk servis kereta.

**DATE \***

Date

\_\_\_\_\_ ▾

**TIME \***

Time

\_\_ : \_\_ AM ▾

- **LANGKAH 4**


Pengguna haruslah meletakkan alamat atau tempat dan nombor plat kenderaan untuk diservis dengan betul.




A screenshot of a mobile application form. The form has a light blue border and a white background. At the top, the text "LOCATION \*" is displayed in black. Below it, the placeholder text "Your answer" is shown in a light gray font. A horizontal line indicates the input field. The form is slightly shadowed, giving it a 3D effect.

- LANGKAH 5

Kemudian, pengguna perlu memilih jenis kenderaan yang perlu diservis.



A screenshot of a mobile application form. The form has a light blue border and a white background. At the top, the text "TYPE OF VEHICLE \*" is displayed in black. Below it, there are four radio button options: "CAR", "MOTORBIKE", "VAN", and "MINI LORRY". Each option is preceded by an empty radio button. At the bottom left, there is a small speech bubble icon with an exclamation mark. At the bottom right, there is a zoom control slider with a minus sign on the left and a plus sign on the right. The form is slightly shadowed, giving it a 3D effect.




VEHICLE NUMBER \*

Your answer

---

- LANGKAH 6

Pengguna hendaklah memilih jenis servis yang pengguna hendaki.



SERVICES \*

INTERIOR WASH (RM )

EXTERIOR WASH (RM )

FULL WASH (RM )

POLISH ONLY (RM )

- LANGKAH 7

Pengguna hendaklah menekan butang pilihan bank mengikut akaun yang dimiliki agar urusan pembayaran atas talian boleh di laksanakan. Kemudian, pengguna hendaklah memuat naik risit pembayaran.

Payment Options \*

COD



QR PAY



TOUCH & GO



GRAB PAY

Upload Transaction Screenshot

[Add file](#)

Submit

Clear form



## 4P's ANALISIS

### Product (produk)

- Aplikasi Yeop Mobile Carwash

Aplikasi ini dilengkapi dengan kelebihan seperti pembayaran atas talian. Ini kerana pembayaran atas talian menjadi pilihan pengguna pada masa sekarang kerana caranya yang cepat dan mudah tanpa melibatkan penggunaan wang tunai. Oleh itu, aplikasi ini mempunyai kaedah pembayaran atas talian yang boleh dilakukan oleh kebanyakan pengguna yang menggunakan platform perbankan atas talian. Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui Google Playstore secara percuma.

### Price (harga)

- Percuma

Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui Google Playstore di telefon pintar anda secara percuma tanpa apa apa bayaran. Aplikasi ini boleh dimuat naik oleh pengguna android sahaja.

### Place (tempat)

- Yeop Carwash yang bertempat di Teluk Intan merupakan pusat perniagaan di Teluk Intan, Perak. Ia telah menjadi kebiasaan dan rutin harian penduduk sekitar untuk mengunjungi ke tempat itu. Bukan penduduk sekitar itu sahaja yang berkunjung malah pelajar-pelajar dari institusi pengajian tinggi setempat juga turut menjadi pengunjung tetap. Kedai mencuci kereta Yeop Carwash ini berada di tempat yang paling strategik dan mudah dilihat dari jauh serta berada di depan persimpangan jalan utama. Ini memudahkan proses promosi dan ia memberi kelebihan kepada Yeop Carwash untuk menarik lebih ramai pelanggan menggunakan perkhidmatan dobinnya. Semakin ramai penduduk di Teluk Intan semakin banyak urusan akan berlaku di kedai mencuci kereta ini.

Promotion (promosi)

- Aplikasi ini menjadi satu elemen penting dalam melonjakkan perniagaan Yeop Carwash supaya kedai mencuci kereta ini lebih dikenali oleh masyarakat setempat. Aplikasi ini akan diwar-warkan di laman web Yeop Carwash dan juga akan dipaparkan di sudut luar kedai agar orang ramai boleh terus memuat naik aplikasi ini di telefon pintar mereka. Ini menunjukkan bahawa Yeop Carwash mempunyai strategi dan idea yang bernas dalam mempengaruhi masyarakat supaya menggunakan perkhidmatan dari Yeop Carwash ini

### **3.3 IMPAK PROJEK**

Inovasi produk buku menu telah diperincikan kepada empat (4) bentuk impak dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topic perbincangan.

a) Impak Produk Terhadap Yeop Carwash.

Penghasilan aplikasi ini telah membantu memudahkan pengguna dari segi pembayaran melalui kaedah transaksi secara atas talian. Ia menarik perhatian dan minat pelanggan untuk cuba menggunakan perkhidmatan di Yeop Carwash tanpa melibatkan penggunaan wang tunai.

b) Impak Produk Terhadap Masa.

Penggunaan buku menu telah banyak membantu pekerja syarikat Yeop Carwash ke arah penjimatan masa dari segi proses urusan kewangan berbanding dengan keadaan sebelumnya. Sebelum ini pekerja terbabit terpaksa mengambil lebih banyak masa untuk menguruskan bahagian kewangan.(aliran wang tunai harian).

c) Impak Produk Terhadap Tenaga.

Penggunaan aplikasi Yeop Mobile Carwash ini telah membantu ke arah penjimatan tenaga pekerja dari segi pengurusan berbanding dengan keadaan sebelum ini. Seorang pekerja hanya perlu datang awal dan bersedia untuk pembukaan kedai di waktu pagi. Seterusnya perjalanan urusan di kedai hanya di pantau melalui sistem pengawasan litar tertutup. Pekerja itu akan kembali lagi pada waktu operasi dobi hampir tamat bagi memastikan premis berada di dalam keadaan yang baik dan bersih.

### **3.4 RUMUSAN**

Kesimpulannya, bab ini lebih menfokuskan reka bentuk aplikasi, proses-proses pembangunan aplikasi, kajian rintis, penambahbaikan aplikasi, analisis keberkesanan aplikasi serta kos-kos yang terlibat dalam penghasilan aplikasi ini. Selain itu, pada bab ini juga, kami berjaya menghasilkan pelbagai analisis untuk memastikan aplikasi ini diterima pakai oleh para pengguna. Terdapat sepuluh (10) perkara yang perlu dianalisis dengan tepat untuk mengetahui keberkesanan aplikasi ini. Akhir sekali, kami juga telah mensasarkan pengguna aplikasi ini yang terdiri daripada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan servis di kedai Yeop Carwash.

## BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian. Kajian ini akan menerangkan mengenai dapatan kajian, kelebihan produk, kekurangan produk, masalah dalam penghasilan aplikasi, ujikaji-ujikaji yang dijalankan serta analisis kewangan yang terlibat untuk menghasilkan projek iaitu kos yang digunakan serta masa yang diambil untuk menyiapkan aplikasi Yeop Mobile Carwash

### 4.2 Dapatan Kajian/Pengujian

#### KAEDAH ANALISIS DATA

Dapatan kajian atau pengujian aplikasi Yeop Mobile Carwash yang disiapkan oleh kami menunjukkan bahawa telah mendapat maklum balas yang baik dari pelanggan Syarikat Yeop Carwash. Statistik data daripada soal kaji selidik telah dikumpul dan disenaraikan di jadual

Maklum Balas dari Responden										
Soalan/Jawapan	Sangat setuju		Setuju		Biasa		Tidak setuju		Sangat tidak setuju	
	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)
1. Adakah saiz font yang digunakan dalam aplikasi Yeop Carwash ini sesuai?	12	<b>60</b>	3	<b>15</b>	5	<b>25</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
2. Adakah jenis font yang digunakan dalam aplikasi Yeop Carwash ini sesuai ?	11	<b>55</b>	5	<b>25</b>	4	<b>20</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>

3. Adakah anda memerlukan masa untuk muat turun aplikasi Yeop Carwash ini?	4	<b>20</b>	3	<b>15</b>	4	<b>20</b>	8	<b>40</b>	1	<b>5</b>
4. Adakah butang tekan yang disediakan dalam aplikasi Yeop Mobile CarWash ini berfungsi dengan baik?	11	<b>55</b>	7	<b>35</b>	2	<b>10</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
5. Adakah aplikasi Yeop Mobile CarWash ini perlu memasukkan lebih lagi maklumat tentang Yeop Mobile Carwash ?	5	<b>25</b>	10	<b>50</b>		<b>204</b>	1	<b>5</b>	0	<b>0</b>

Keberkesanan produk ini juga dianalisis dengan menggunakan analisis SWOT. SWOT dijalankan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh Perniagaan Yeop Carwash . Hasil SWOT yang telah di analisis adalah seperti di bawah:

## **SWOT ANALISIS**

### **S- Strength (Kekuatan)**

- a) Dapat mempercepatkan urusan dan memudahkan urusan

Aplikasi Yeop Mobile Carwash ini akan mempercepatkan urusan di Yeop Carwash dengan hanya menggunakan aplikasi untuk perkhidmatan mencuci kenderaan dan membuat pembayaran atas talian . Aplikasi ini dilengkapi dengan cara pembayaran yang menggunakan kaedah transaksi secara atas talian yang terkini seperti touchngo e-wallet serta JomPAY.

- b) Mengetahui pembayaran atas talian berjaya atau tidak berjaya

Aplikasi Yeop Mobile Carwash ini juga dilengkapi dengan pemberitahuan dan notifikasi secara automatik sekiranya pembayaran/transaksi anda di terima atau terbatal. Bermaksud anda hanya perlu pastikan bahawa baki di dalam akaun anda adalah mencukupi.

### **W-Weakness (Kelemahan)**

- a) Kurang dari segi kepelbagaian ciri ciri dalam aplikasi

Aplikasi Yeop Mobile Carwash memiliki kelemahan dari segi mempelbagaikan ciri-ciri lain di dalam aplikasi tersebut. Hal ini kerana Yeop Carwash hanya mempunyai satu fungsi iaitu pembayaran atas talian. Tetapi ia mungkin boleh ditambah lagi ciri-ciri lain pada masa akan datang.

### **O-Opportunities (Peluang)**

- a) Tidak banyak perniagaan kedai mencuci kenderaan mempunyai aplikasi yang memudahkan pelanggan

Penggunaan aplikasi ini memberi kelebihan kepada perniagaan Yeop Carwash kerana aplikasi seperti ini jarang ditemui di mana mana kedai mencuci kenderaan dan ini memberi peluang terbuka kepada perniagaan Yeop Carwash untuk mempunyai aplikasi sendiri. Ini kerana aplikasi merupakan salah satu teknologi hebat yang dapat memudahkan urusan pengguna. Oleh itu, pembangunan aplikasi ini memberi kelebihan kepada perniagaan yang melibatkan penggunaan wang tunai .

### **T-Threat (Ancaman)**

a) Berkemungkinan kedai mencuci kenderaan lain juga akan membangunkan aplikasi seperti ini.

Pada era sekarang ini, ramai orang terutamanya peniaga peniaga berpeluang membangunkan satu aplikasi dengan mudah. Hal ini menjadi kerisauan kerana berkemungkinan aplikasi untuk kedai mencuci kenderaan lain juga boleh dibangunkan. Berkemungkinan aplikasi yang mungkin dibangunkan akan mempunyai kelebihan yang tidak setanding dengan aplikasi sebelumnya dan lebih banyak ciri-ciri khas boleh ditambah berbanding aplikasi Yeop Mobile Carwash ini.

## **4.3 Perbincangan**

Dari hasil perbincangan, dengan adanya Aplikasi Yeop Mobile Carwash ini, pekerja di Yeop Carwash tidak perlu bimbang lagi akan masalah kekurangan bilangan pelanggan semenjak wabak Covid 19 kerana wujudnya Aplikasi Yeop Mobile ini dapat menyasarkan lagi pelanggan yang gemar menggunakan telefon pintar sebagai perantaraan di dalam era digital ini. Sebaliknya, kelemahan utama mengakses aplikasi adalah kadang kadang liputan internet tidak dapat menyempurnakan muat turun tersebut. Tambahan pula, Aplikasi Yeop Mobile adalah ia boleh digunakan oleh telefon pintar android dan ios kerana kecanggihan aplikasi ini tidak terbatas .

#### 4.4 Kos yang terlibat

Kos pelaksanaan projek merupakan kos yang terlibat bagi menyiapkan “Aplikasi Yeop Mobile Carwash”.

<b>KEPERLUAN KOS</b>	<b>(RM)</b>
Internet	50
Utiliti (bil api dan sebagainya)	20
Perbelanjaan lain	30

#### 4.5 Rumusan

Secara kesimpulan, bab ini membincangkan mengenai dapatan kajian., perbincangan serta kos yang terlibat mengenai inovasi aplikasi Yeop Carwash. Fokus utama dalam bab ini adalah pada bahagian kelebihan, kekurangan aplikasi dan masalah yang dihadapi semasa proses pembangunan aplikasi tersebut. Setiap pembangunan aplikasi haruslah mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri .



## **BAB 5 : KESIMPULAN**

### **5.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan mengenai cadangan dan kesimpulan hasil kajian Reka Bentuk aplikasi Yeop Mobile Carwash yang telah dijalankan. Bab ini merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT (kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang) bagi menghasilkan penambahbaikan dalam kajian ini. Ia juga merangkumi kesimpulan keseluruhan penghasilan produk.

### **5.2 KESIMPULAN**

Penggunaan aplikasi Yeop Mobile Carwash ini mempunyai kelemahan dari segi kekurangan ciri-ciri dalam aplikasi ini tetapi dibangunkan untuk membantu memudahkan aktiviti perniagaan Yeop Carwash dalam menyelesaikan masalah penempahan servis secara tradisional kepada kaedah penempahan secara atas talian. Aplikasi ini dicipta menggunakan platform Mobin Cube iaitu platform untuk mencipta aplikasi yang di inginkan. Kelebihan aplikasi inovasi ini ialah pengguna boleh membuat pembayaran di atas talian tanpa menggunakan wang tunai. Ini kerana Yeop Carwash mempunyai masalah dari segi pertukaran wang tunai ke bentuk token. Oleh itu, antara kesenangan aplikasi ini ialah ia mudah diakses dengan hanya perlu mengimbas QR code. Aplikasi ini akan di muat turun sendiri oleh pengguna yang datang ke Yeop Carwash untuk menempah servis. Setelah pertama kali digunakan mungkin ia akan dianggap sebagai perkara paling mudah dilakukan di kedai dobi Laundry Time. Kemudian, soalan di dalam aplikasi tersebut perlu diringkaskan dan tidak memerlukan masa yang banyak untuk di jawab. Aplikasi Yeop Mobile Carwash ini diharap mampu berdaya saing dengan baik di pasaran dan membantu memudahkan kerja semua yang terlibat dengan aktiviti perniagaan perkhidmatan servis cuci kereta.

### **5.3 CADANGAN**

Aplikasi Yeop Mobile Carwash ini mempunyai kelebihan dan berkesan untuk membantu kedai Yeop Carwash dalam proses menambah profitnya sekaligus menjadi kedai servis kereta yang terbaik dalam penggunaa aplikasi. Antara kelemahannya yang mungkin ada ialah liputan internet yang lemah akan menyebabkan pengguna sukar untuk memuat turun aplikasi Yeop Mobile Carwash. Seterusnya, kelemahan dari segi soalan dalam aplikasi boleh diatasi dengan merombak kembali soalan yang berkaitan kepada soalan yang lebih relevan. Di Samping itu, kelemahan dari segi ketidakupayaan akses melalui 'Google Play', hanya boleh diakses oleh pengguna android sahaja. Masalah ini dapat diatasi dengan mengenakan jumlah yang besar bagi pihak pengeluar. Akhir sekali, diharapkan aplikasi ini dapat membantu dan boleh diguna pakai oleh Yeop Carwash demi menjana ekonomi tanpa iklan berbayar.

## **5.4 LIMITASI PROJEK**

### **1. Jumlah analisis kajian.**

Jumlah analisis kajian adalah terhad. Analisis projek ini hanya di jalankan di kawasan pusat perniagaan komersial Teluk Intan, Perak sahaja. Adalah lebih baik jika analisis ini dijalankan di seluruh negeri Perak.

### **2. Penggunaan Produk.**

Aplikasi ini hanya boleh digunakan di kedai Yeop Carwash sahaja buat masa ini. Ia mungkin akan dikembangkan jika mendapat sambutan untuk dilakukan di setiap kedai servis kereta yang ada.

### **3. Instrumen Kajian.**

Kajian ini hanya menggunakan satu kaedah pengumpulan data iaitu melalui soal selidik. Selain soal selidik pengkaji boleh mendapatkan maklumat melalui temu bual atau lain lain kaedah.

## **5.5 RUMUSAN**

Secara dasarnya kajian ini membincangkan mengenai penghasilan produk inovasi aplikasi Yeop Mobile Carwash yang dibangunkan untuk kegunaan pelanggan. Kajian ini mempunyai bab yang membincangkan mengenai proses membangunkan aplikasi Yeop Mobile Carwash. Kertas kerja projek ini mengandungi lima (5) bab yaang telah dibincangkan. Bab yang pertama membincangkan mengenai masalah yang dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian tentang syarikat Yeop Carwash. Bab yang kedua membincangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini seperti maklumat produk, proses pembangunan produk, pembaharuan produk dan kaedah kajian. Bab ketiga membincangkan mengenai analisis situasi yang melibatkan analisis dapatan kajian peringkat pertama dan analisis dapatan kajian kedua. Seterusnya, bab keempat ialah mengenai analisis kewangan untuk projek yang dihasilkan, diikuti dengan impak produk dan diakhiri dengan aspek pengkomersialan. Akhir sekali, bab kelima merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek dan cadangan serta penambahbaikan yang dilakukan oleh pengkaji.

## RUJUKAN

Kami telah merujuk kepada beberapa rujukan dari buku,internet,artikel dan lain-lain sumber yang dinyatakan di bawah untuk menyiapkan atau menyelesaikan kajian projek kami iaitu:-

## References

- 1)Abdul Rahman, N. B., & Abdullah, B. (2020). TAHAP KESEDARAN PEKERJA TERHADAP PENGUASAAN TEKNOLOGI. 1-6.
- 2)Faradillah Iqmar Omar, S. A. (2017). Penggunaan Internet Dalam Kalangan Usahawan Wanita. *Jurnal Komunikasi*, Vol 33, No 3.
- 3)RAUB, S. B. (2008). Pembayaran atas talian. *Sistem Pembayaran*, 1-15.
- 4)Mohd Huefiros Efizi Husain, N. N. (2020). Aplikasi AI-Wakalah Terhadap Sistem Perniagaan Francais di Malaysia. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR)*, VOL 17 ,NO.1.
- 5)Meidasari, A. F. (2014). Penggunaan teknologi dalam perniagaan.69 *Teknologi Media Digital*, 21-26.
- 6)Saad Ram Al Jaffri, M. H. (2008). Perluasan internet dalam perniagaan. *Penggunaan internet dalam perniagaan*, 5-10.
- 7)J.Nurasiah. (2010). Penggunaan teknologi dalam perniagaan. *Perkembangan Teknologi*, 1-3.
- 8)Suhaimi, M. H., & Shiratuddin, N. (2013). Elemen Kebolehan Usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS). *Penggunaan Media Sosial*, 1 - 10.

## LAMPIRAN 1

Maklum Balas Responden untuk Kajian Rintis.

Maklum Balas dari Responden										
Soalan/Jawapan	Sangat setuju		Setuju		Biasa		Tidak setuju		Sangat tidak setuju	
	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)
1. Adakah saiz font yang digunakan dalam aplikasi Yeop Carwash ini sesuai?	12	<b>60</b>	3	<b>15</b>	5	<b>25</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
2. Adakah jenis font yang digunakan dalam aplikasi Yeop Carwash ini sesuai ?	11	<b>55</b>	5	<b>25</b>	4	<b>20</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>
3. Adakah anda memerlukan masa untuk muat turun aplikasi Yeop Carwash ini?	4	<b>20</b>	3	<b>15</b>	4	<b>20</b>	8	<b>40</b>	1	<b>5</b>
4. Adakah butang tekan yang disediakan dalam aplikasi Yeop Mobile CarWash ini berfungsi dengan baik?	11	<b>55</b>	7	<b>35</b>	2	<b>10</b>	0	<b>0</b>	0	<b>0</b>

5. Adakah aplikasi Yeop Mobile CarWash ini perlu memasukkan lebih lagi maklumat tentang Yeop Mobile Carwash ?	5	<b>25</b>	10	<b>50</b>		<b>204</b>	1	<b>5</b>	0	<b>0</b>
---	---	-----------	----	-----------	--	------------	---	----------	---	----------

## LAMPIRAN 2

Maklum Balas Responden untuk Kajian Keberkesanan.

Maklum Balas dari Responden				
Soalan/Jawapan	Ya		Tidak	
	NO	%	NO	%
<b>Bahagian A</b>				
1. Adakah anda sukar untuk mengakses perkhidmatan yang ditawarkan?	0	0	30	100
2. Adakah aplikasi ini menyebabkan masa anda terbangun begitu sahaja?	0	0	30	100
3. Adakah anda berlakunya pembaziran tenaga?	0	0	30	100
<b>Bahagian B</b>				
1. Bahasa yang mudah fahami	30	100	0	0
2. Mudah di	29	96.7	1	3.3

akses				
3. Cepat mendapat respon	30	100	0	0
4. Mudah untuk membuat tempahan slot	30	100	0	0
5. Mesra pengguna	30	100	0	0

### LAMPIRAN 3

Bersama pemilik Kedai Yeop Carwash



KEADAAN PREMIS PERNIAGAAN YEOP CARWASH SEMASA MENEMUBUAL MEREKA

